

Rumah Tele sebagai Warisan Seni Bina Melayu Tradisional di Terengganu

'Rumah Tele' as Tradisional Malay Architectural Heritage in Terengganu

Mohd Nur Shafiq Harun* & Mohd Samsudin

Research Center for History, Politics and International Affairs, University Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: mohdnurshafiqharun@gmail.com

Abstrak

Rumah Tele merupakan warisan seni bina yang melambangkan kehebatan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional membina dan mencipta elemen rekabentuk rumah kediaman yang dipengaruhi oleh corak budaya Melayu bersifat tempatan, nilai agama Islam dan alam persekitaran. Oleh itu, artikel ini memfokuskan ciri-ciri estetika rekabentuk Rumah Tele. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif merangkumi sumber primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi melalui kaedah temubual dan kajian lapangan di Rumah Tele di Kampung Losong, Terengganu. Manakala, sumber sekunder diperolehi daripada buku ilmiah, jurnal, akhbar dan tesis sarjana. Hasil kajian membuktikan bahawa seni bina Rumah Tele di Terengganu mempunyai bernilai estetika melalui binaan atap singgora, mempunyai rembat, ruang kolong, bendul dan tiang seri yang dibina oleh tukang-tukang rumah Melayu tradisional yang berpengalaman dalam ilmu pertukangan dan bersifat kreatif. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melestarikan semula warisan seni bina Rumah Tele sebagai identiti budaya Melayu untuk dijadikan rujukan oleh penyelidik dan generasi akan datang.

Kata Kunci: Rumah Tele; Rekabentuk; Estetika; Seni bina Melayu; Terengganu.

Abstract

'Rumah Tele' is an architectural heritage that symbolizes the greatness and wisdom of the traditional Malay community in building and creating residential design elements that are influenced by local Malay cultural patterns, Islamic religious values and the natural environment. Therefore, this article focuses on the aesthetic characteristics of Rumah Tele design. This study uses qualitative methods including primary and secondary sources. Primary sources were obtained through interviews and field research at Rumah Tele in Kampung Losong, Terengganu. Meanwhile, secondary sources are obtained from scholarly books, journals, newspapers and master's theses. The results of the study proved that the architectural design of Rumah Tele in Terengganu has an aesthetic value through the construction of the singgora roof, with rembat, vault, bendul and tie poles built by traditional Malay craftsmen who are experienced in carpentry and are creative. Therefore, this study was conducted to

preserve the architectural heritage of Rumah Tele as a Malay cultural identity to be used as a reference by researchers and future generations.

Keywords: *Rumah Tele; Design; Aesthetics; Malay Architecture; Terengganu*

PENGENALAN

Negeri Terengganu merupakan sebahagian negeri yang terletak di Semenanjung Pantai Timur mempunyai khazanah warisan seni bina rumah Melayu tradisional selain daripada surau dan masjid yang bernilai estetika untuk diterokai. Dalam konteks perbincangan ini, seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu menggambarkan cetusan gandingan kemahiran tangan, ketajaman minda dan kreativiti yang ditonjolkan oleh tukang-tukang rumah Melayu tradisional bersifat tempatan. Sememangnya, legasi seni bina rumah warisan berunsurkan kemelayuan dahulunya digiatkan di sekitar kawasan persisiran pantai dan pedalaman telah berakar umbi sejak ratusan tahun. Oleh itu, seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu ini dipercayai mempunyai hubung kait dengan sejarah tamadun awal di Terengganu dan mengharungi edaran zaman dan diwariskan dari satu generasi kepada generasi lain (Mohd Nur Shafiq Harun and Mohd Samsudin 2021).

Secara umumnya, rumah Melayu tradisional ditafsirkan sebagai produk warisan seni bina yang dibangunkan oleh tukang-tukang rumah Melayu tradisional pelbagai jenis dan bentuk melambangkan identiti seni bina berunsurkan budaya Melayu di sesuatu kawasan (Azuan Harun 2023). Rumah Melayu tradisional ditakrifkan sebagai bangunan warisan diciptakan oleh masyarakat Melayu melalui falsafah seni bina, bertamadun, akal dan berinovasi (Muhamad Fadzillah Zaini and Nor Hashimah Jalaluddin 2019) berbentuk tempat kediaman dibina berasaskan alam sekeliling yang dipengaruhi oleh corak budaya Melayu, kepercayaan, adat resam dan pengaruh agama Islam.

Seni bina rumah tradisional adalah satu elemen budaya yang dapat dilihat dan dirasakan dalam bentuk fizikal. Bentuk dan fungsi budaya ini tercipta daripada maksud yang mendalam, yang dibentuk melalui falsafah dan pemikiran masyarakat. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa elemen-elemen seni bina dan susun atur ruang dalam rumah tradisional merupakan sebahagian daripada bentuk fizikal budaya yang jelas kelihatan. Elemen-elemen ini telah wujud dan dipertahankan sejak berabad lamanya kerana ia mencerminkan simbol dan identiti budaya sesuatu masyarakat (Sarinah Alim and Roshartini Omar 2022).

Petikan di atas dapat memerihalkan bahawa rumah Melayu tradisional khususnya Rumah Tele masih mengekalkan identiti warisan seni bina berunsurkan budaya Melayu dibuktikan melalui keutuhan struktur binaan asas dan elemen rekabentuk yang masih bertahan sehingga kini seharusnya perlu dipelihara nilai estetika budaya Melayu bercorak nilai sezaman. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian (Salem Alqamaz, Mohd Hisham Omar 2021) menyatakan bahawa pembinaan rumah Melayu tradisional di Terengganu berkait rapat dengan cara hidup sesebuah masyarakat sebagai petunjuk dan simbol yang mencerminkan budaya Melayu yang teguh melalui adat dan tradisi. Oleh itu, seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu dibina berdasarkan nilai budaya Melayu bercorak tempatan dan dibangunkan oleh ilmu pertukangan yang sistematik meliputi pengaruh alam sekeliling, adat, tradisi dan kepercayaan agama Islam yang membentuk sesebuah rumah Melayu tradisional. Menyingkap daripada itu, pada zaman pascamerdeka kini identiti warisan seni bina rumah Melayu tradisional khususnya di

Terengganu mula berlaku perubahan terhadap ciri keaslian rekabentuk berunsurkan budaya Melayu disebabkan oleh pengaruh modernisme diterapkan ke atas setiap elemen rekabentuk rumah Melayu tradisional sehingga hilangnya identiti seni bina bersifat tempatan (Nor Hayati Ismail and Daeng Haliza Daeng Jamal 2024). Oleh itu, kajian ini adalah satu langkah proaktif untuk memartabatkan kembali sejarah warisan seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu sebagai santapan generasi akan datang yang melambangkan identiti budaya masyarakat Melayu tradisional dan dipenuhi dengan nostalgia dan ciri-ciri keunikannya tersendiri. Umpamanya, kajian seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu dilakukan oleh (Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail 2024) hanya memfokuskan ciri-ciri rekabentuk terhadap Rumah Bujang Berselasar.

Selanjutnya (Mohd Nur Shafiq and Mohd Samsudin 2022) memfokuskan tentang motif dan corak ukiran kayu pada Rumah Limas Belanda di Terengganu manakala (Azreena Abu Bakara and Kamarul Afizi Kosmana 2022) membincangkan jenis dan motif ukiran kayu pada Rumah Tele selepas dipengaruhi oleh agama Islam. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh (Mohd Yusof Abdullah 2012) hanya menyentuh tentang sejarah awal seni bina Rumah Tele. Lanjutan daripada itu, mengenali dan memahami ciri-ciri estetika reka bentuk Rumah Tele di Terengganu bukan sahaja untuk keperluan merekod dan mengetahui peradaban silam namun disebalik kesungguhan dan usaha masyarakat Melayu tradisional dalam melestarikan kehidupan dengan alam dan kediaman pastinya mempunyai sebab dan kepentingan tertentu yang mungkin generasi hari ini terlepas pandang. Oleh itu, kita pada hari ini masih berpijak dan bernafas di bumi sama yang didiami masyarakat terdahulu, pasti ada perkara dari zaman lampau yang masih boleh kita amalkan pada hari ini. Maka, kajian ini wajar dilakukan untuk mengetahui dan memaklumkan kepada umum sesuatu yang mungkin tidak diketahui, dilupakan atau terlepas pandang.

WARISAN SENI BINA RUMAH MELAYU TRADISIONAL DI TERENGGANU SUATU SOROTAN SEJARAH

Umum mengetahui bahawa seni bina rumah tradisional Melayu yang unggul dan istimewa telah lama diiktiraf melalui pelbagai dokumentasi dan kajian awal oleh individu luar yang pernah melawat Semenanjung Tanah Melayu. Sumber utama yang memberikan gambaran mendalam tentang keunikan dan kecantikan reka bentuk rumah serta suasana perkampungan masyarakat Melayu pada zaman dahulu termasuklah tulisan dan kajian ilmiah oleh sarjana Barat, pegawai pentadbir British yang berkhidmat di negeri-negeri Melayu, pedagang, dan beberapa pengembara dari era Victoria yang menjelajah Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-19 (M. Yusuf A Adam Broughton and Mazlan Mohd Tahir 2023). Dalam konteks perbincangan ini, pada abad ke 16 M rumah Melayu tradisional di Terengganu sudah dibina sebanyak tiga puluh buah rumah Melayu tradisional dibina secara berderetan bersebelahan dengan Istana Maziah berhampiran dengan Sungai Terengganu yang mempunyai persamaan dari aspek rekabentuk dan penggunaan bahan binaan berasaskan alam sekeliling (Azuan Harun 2023). Hal ini diperkukuhkan lagi menerusi penulisan (Abdul Halim Nassir 1985) rumah Melayu tradisional di Terengganu dibina mempunyai struktur binaan rekabentuk asas yang sama dengan istana sultan iaitu mempunyai rekaan pemeleh di hujung, berpanggung, ruang kosong di bahagian bawah yang berbentuk berlian dan diselang dengan buluh yang dianyam dan dibuat corak. Menurut (Mohd Yusof Abdullah 2023) kebanyakan rumah Melayu tradisional di Terengganu dibina oleh sekumpulan tukang-tukang rumah Melayu tradisional yang menetap di istana Sultan yang mempunyai sifat kreatif dan berkemahiran tinggi dalam ilmu pertukangan untuk membina sesebuah rumah Melayu tradisional pelbagai saiz, mempunyai pembahagian struktur ruang dalaman yang boleh diubah-ubah mengikut kehendak pemilik rumah. Hal ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu tradisional di Terengganu

mempunyai kepakaran ilmu pertukangan dalam menghasilkan sesebuah rumah Melayu tradisional dipengaruhi oleh corak budaya Melayu setempat, penggunaan bahan binaan berasaskan alam persekitaran dan taraf ekonomi pemilik rumah. Berdasarkan kajian (Mohd Nur Shafiq and Mohd Samsudin 2022) menjelaskan bahawa warisan seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu mempunyai binaan jenis rumah yang berbeza mengikut status pemilik rumah setelah dipengaruhi oleh tradisi, adat resam, kepercayaan, taraf ekonomi dan corak budaya Melayu bersifat nilai tempatan.

Hal ini dibuktikan seawal abad ke 18 M masyarakat Melayu tradisional di Terengganu membina Rumah Melayu tradisional berbentuk Gajah Menyusu iaitu mempunyai bumbung berbentuk panjang dan dilengkapi dengan tebar layar, berlantaikan buluh, beratapkan daun nipah dan berinding kayu. Rumah Gajah Menyusu terdiri daripada bentuk ‘Gajah Menyusu dalam bentuk rumah bersorong’, ‘Gajah Menyusu di penjuru rumah ibu’ dan ‘Gajah menyusu di penjuru berbentuk pisang sesikat’ (Azuan Harun 2023). Selain itu, wujudnya binaan Rumah Bujang didirikan menggunakan enam batang tiang dikenali sebagai ‘Rumah Bujang Tiang Enam’, ‘Rumah Berpeleh Tiang Enam’ atau ‘Rumah Bujang Dua Ruang’, ‘Rumah Bujang Tiang Lapan’ atau ‘Rumah Bujang Tiga Ruang’ didirikan melalui penggunaan dua belas batang tiang utama dikenali dengan nama ‘Rumah Berserambi’ atau ‘Rumah Tiang Dua Belas’ (Abdul Rahman Embong 2012).

Menurut (Mohd Hafis Abdul Rahman 2023) rekabentuk ‘Rumah Bujang’ asasnya mempunyai tulang perabung pada rekaan bumbung dilitupi oleh atap singgora bertujuan melindungi cuaca hujan dan panas dan mempunyai kayu pemeleh pada bahagian tebar layar. Seterusnya, seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu mula berlaku perubahan rekabentuk setelah berlaku percampuran pengaruh penjajahan Belanda dan Inggeris seawal abad ke-19 M (Mohd Nur Shafiq Harun and Mohd Samsudin 2022) sehingga wujudnya Rumah berbentuk Limas Belanda yang berbumbung perabung lima. Menurut (Norazila Kamarulzaman 2019) pada awalnya seni bina rumah Melayu tradisional berbentuk ‘perabung lima’ dibina di Melaka dan Johor kemudian berkembang di daerah Riau Lingga, Singapura sehingga ke Terengganu seawal abad ke 19 M yang dikenali sebagai ‘Rumah Limas Bungkus’.

Namun begitu, Rumah Limas Bungkus berlaku pengubahsuaian yang dilakukan oleh tukang-tukang rumah Melayu tradisional tempatan sehingga wujudnya rumah berbentuk Potong Belanda (Mohd Yusof Abdullah 2012). Dalam pada itu, ciri-ciri seni bina rumah Melayu tradisional ini mempunyai binaan struktur perabung lurus yang bersambung dengan empat buah perabung yang turun ke cucuran atap berbentuk huruf ‘H’ dihiasi dengan ukiran-ukiran kerawang kayu dan dilengkapi tingkap dan cermin yang banyak (Mashitah Sulaiman and Mohd Nazir Ahmad 2021). Oleh hal yang demikian, warisan seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu merupakan cerminan daripada peradaban tamadun bangsa Melayu di Nusantara seiring berlakunya perkembangan evolusi seni binannya yang unggul.

SEJARAH RINGKAS RUMAH TELE

Berdasarkan sejarah awal, Rumah Tele dikenali sebagai Istana Tengku Nik iaitu sebuah istana Raja dibina di sekitar Kompleks Istana Maziah pada tahun 1888 yang terletak di daerah Kuala Terengganu (Azreena Abu Bakara and Kamarul Afizi Kosmana 2022). Rumah Tele merupakan sebuah rumah warisan tradisional yang dimiliki oleh Sultan Zainal Abidin III yang menghuni bersama isterinya iaitu Che Kalthum Haji Daud dan bersama dua orang anaknya Tengku Nik Hajjah dan Tengku Ngah Hajjah (Koleksi Muzium Negeri Terengganu 2017). Menurut (Mohd Hafis Abdul Rahman 2023) menjelaskan bahawa rumah warisan Melayu ini digelar sebagai ‘tele’ diertikan sebagai pembahagian antara ruang pada bahagian belakang rumah yang bersambungan dengan bahagian istana dikhaskan untuk kaum wanita sahaja untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti memasak, menjemur baju dan berehat. Dalam konteks perbincangan

ini, Rumah Tele dibina menggunakan enam belas perenggan tiang utama sebagai struktur binaan asas bahagian bawah, mempunyai rekaan bumbung berbentuk ‘bujang berpeleh’ yang mempunyai kecuraman dihujung, mempunyai binaan perenggan dinding sebanyak lapan puluh keping dinding berbentuk kembang dan dua puluh empat keping lagi adalah penggunaan dinding jenis bersobek (Koleksi Muzium Negeri Terengganu 2017).

CIRI-CIRI ESTETIKA REKABENTUK RUMAH TELE

Rumah Tele di Terengganu mempunyai ciri-ciri rekabentuknya yang unik terdiri daripada rekabentuk luaran dan dalaman dibentuk mempunyai fungsi dan mengikut keperluan pemilik rumah. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan merungkai secara terperinci tentang ciri-ciri estetika rekabentuk Rumah Tele melambangkan identiti warisan seni bina di Terengganu sejak zaman berzaman. Oleh itu, segala maklumat dan data kajian akan dibuktikan oleh pengkaji berdasarkan ciri-ciri rekabentuk luaran dan dalaman Rumah Tele.

Atap Berbentuk Singgora

Rumah Tele mempunyai ciri-ciri reka bentuk bernilai estetika dibuktikan melalui penggunaan atap berbentuk singgora yang berfungsi menutupi permukaan atap yang bersifat kalis cahaya matahari dan air hujan (M Yusuf A. Adam Broughton and Mazlan Mohd Tahir 2023). Menurut (Faizul Azlan Razak 2023) atap singgora dikenali sebagai ‘bata singgora’ yang diperbuat daripada tanah liat semakin popular digunakan di daerah Kuala Terengganu dan Besut sejak abad ke-18 M dibuktikan pada istana sultan dan rumah kediaman bercorak budaya Melayu tradisional. Pada peringkat awal, atap pada Rumah Tele diperbuat menggunakan bahan semulajadi seperti daun salak, daun rumbia, daun nipah, daun cucuh, dan daun bertam yang diperoleh di sekitar tapak pembinaan rumah sebelum penggunaan atap singgora diperkenalkan (Abdul Halim Nasir 1985). Hal ini dapat dibuktikan melalui proses atap singgora dihasilkan iaitu dijemur di bawah cahaya matahari selama dua jam di atas permukaan pasir, dibersihkan segala bentuk bendasing seperti pasir halus, rumput dan batu-batu kecil seterusnya ditampal dengan tanah liat dan diratakan. Lanjutan daripada itu, atap berbentuk singgora mula digunakan secara meluas pada rumah Melayu tradisional di Terengganu termasuk Rumah Tele setelah dibawa dan digunakan oleh tukang-tukang rumah Melayu tradisional dari wilayah Songkhla dan Patani seawal abad ke-18 M (Abdul Halim Nasir 1985). Rajah 1 menunjukkan penggunaan atap singgora pada rumah Melayu tradisional dan Rajah 2 di bawah menunjukkan penggunaan atap singgora pada Rumah Tele.

Rajah 1

Penggunaan atap singgora pada rumah Melayu tradisional



Sumber: Nurul Hamiruddin Salleh and Mohammad Zaim Abdullah (2023)

Rajah 2

Penggunaan atap singgora pada Rumah Tele




Sumber: Kajian Lapangan pada 13 Mac 2023

Pemeleh Bersaiz Besar

Ciri-ciri estetika reka bentuk Rumah Tele juga ditonjolkan melalui pembinaan pemeleh yang dipasang di bahagian tebar layar. Dalam pada itu, pemeleh bersaiz besar yang berbentuk ‘V’ terbalik merupakan struktur binaan yang unik diperbuat daripada kayu berkualiti tinggi iaitu cengal diletakkan di hujung perabung atap pada setiap rumah Melayu tradisional di Terengganu (Azuan Harun 2023). Berdasarkan kajian (Nurul Hamiruddin Salleh and Mohammad Zaim Abdullah 2023) pemeleh disebut sebagai ‘peles, pemeles dan papan layang’ merupakan sepasang kayu dibina untuk menutup hujung bumbung pada dinding tegak yang dikenali sebagai tebar layar. Rajah 3 menunjukkan reka bentuk pemeleh rumah Melayu tradisional.

Rajah 3 Reka bentuk pemeleh pada rumah Melayu tradisional



Sumber: Nurul Hamiruddin Salleh and Mohammad Zaim Abdullah (2023).

Namun begitu, menurut (Mohd Shukri Mohd Isa 2023) binaan pemeleh Rumah Tele berbeza dengan rumah Melayu tradisional di negeri yang lain yang dapat dibuktikan melalui binaannya lentik dihujung, bersaiz besar dan dipasang dua pemeleh bertingkat untuk menutup kasau jantan. Hal ini menunjukkan bahawa binaan pemeleh yang bersaiz besar dan melengkung tajam ke atas merupakan identiti seni bina warisan pada rumah Melayu tradisional di Terengganu yang wajar dikekalkan sebagai simbolik nilai budaya warisan sejak zaman berzaman. Rajah 4 di bawah menunjukkan reka bentuk pemeleh rumah Melayu tradisional.

Rajah 4 Reka bentuk pemeleh pada Rumah Tele



Sumber: Kajian Lapangan pada 13 Mac 2023

Rembat

Selain daripada pembinaan pemeleh yang bersaiz besar, ciri-ciri estetika Rumah Tele di Terengganu juga ditonjolkan melalui binaan rekabentuk rembat yang dibina oleh masyarakat Melayu tradisional pada bahagian struktur dalaman rumah. Dalam konteks perbincangan ini, menurut (Mohd Shukri Mohd Isa 2023) pembinaan rembat yang terdapat pada Rumah Tele merupakan struktur tambahan yang unik iaitu dibina di tengah-tengah antara ruang bahagian dapur dan rumah ibu yang berukuran setinggi '1.5 kaki' dari lantai dapur. Hal ini juga diperkukuhkan lagi oleh (Mohd Yusof Abdullah 2023) bahawa binaan rembat berfungsi sebagai tempat untuk penghuni rumah wanita melakukan aktiviti dapur seperti memotong bawang dan sayur-sayuran. Selain itu, rembat juga dibina sebagai tempat bersembang bersama ahli keluarga dan jiran tetangga yang berkunjung ke rumah di samping dijadikan sebagai tempat untuk beristirehat dan menyimpan barangan keperluan harian seperti beras. Rajah 5 di bawah menunjukkan reka bentuk rembat Rumah Tele.

Rajah 5 Reka bentuk rembat pada Rumah Tele



Sumber: Kajian lapangan pada 13 Mac 2023

Bendul

Selain daripada rekabentuk rembat, keindahan dan keunikan rumah Melayu tradisional di Terengganu khususnya Rumah Tele dapat dibuktikan melalui pembinaan bendul. Berdasarkan penulisan (Mohd Yusof Abdullah 2012) menyatakan bahawa bendul adalah salah satu identiti reka bentuk yang sering dijumpai pada rumah Melayu tradisional di Terengganu iaitu berfungsi sebagai pengikat tiang-tiang utama. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi menerusi kajian (Abd. Aziz Shuaib and Enoch 2014) menjelaskan bahawa binaan bendul secara umumnya bertindak sebagai rangka di tepi bahagian luar lantai untuk mengelilingi dan memisahkan setiap ruang atau bilik dalam rumah secara sistematik. Tambahan lagi, bendul berfungsi sebagai penutup pada hujung lantai luaran supaya kelihatan lebih kemas dan kukuh dan dijadikan sebagai pemisah antara ruang serambi, rumah ibu, selang dan dapur (Nazarudin Zainun and Rahimah A. Hamid 2013). Perbincangan ini selari dengan kajian oleh (Maulana Kurniawan Putra and Junita Surbakti 2020) menyatakan tentang penggunaan rekabentuk bendul pada rumah Melayu tradisional iaitu ...bendul adalah pemisah antara satu bilik dengan bilik yang lain iaitu setiap bilik di dalam rumah sentiasa ada bendul, dan ciri-ciri bendulnya ialah tidak terlalu tinggi tetapi menunjukkan sempadan antara satu bilik dengan bilik yang lain. Bendul juga mempunyai pantang larang bagi pemilik rumah, supaya apabila tetamu datang, mereka tidak boleh masuk ke dalam bilik lain secara sembarangan...

Petikan ini membuktikan bahawa reka bentuk bendul merupakan salah yang dibina berbentuk empat segi berfungsi memisahkan antara ruang dalaman iaitu ruang bilik dengan ruang rumah ibu, ruang dapur dengan ruang rumah ibu dan rumah tengah dengan rumah ibu (Mohd Yusof Abdullah 2012). Dalam erti kata lain, menurut (Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail 2024) binaan bendul bukan sahaja penting untuk memastikan kestabilan fizikal rumah tetapi juga memainkan peranan utama dalam mengatur ruang dalaman, menekankan aspek pelbagai fungsi elemen seni bina tradisional dalam rumah Melayu. Rajah 6 di bawah menunjukkan reka bentuk bendul yang dipasang pada rumah Melayu tradisional dan Rajah 7 di bawah menunjukkan reka bentuk bendul pada Rumah Tele.

Rajah 6 Reka bentuk bendul yang dipasang pada rumah Melayu tradisional



Sumber: Wanfiq Azman (2023)

Rajah 7 Rekabentuk bendul pada Rumah Tele



Sumber: Kajian Lapangan pada 13 Mac 2023

Tiang Seri

Kehebatan seni bina Rumah Tele dapat dibuktikan melalui binaan tiang seri yang dikenali sebagai 'sokoguru' merupakan sebatang tiang unggul dan dijadikan semangat kepada rumah untuk terus bertahan lama. Dalam konteks ini, binaan tiang seri oleh pada rumah Melayu tradisional sebagai lambang pegangan teguh, kepercayaan dan keimanan dalam corak budaya masyarakat Melayu tradisional (Mohd Yusof Abdullah 2023). Secara asasnya, tiang seri didirikan mengikut bilangan yang berbeza iaitu empat, lapan, enam, dua belas, empat belas dan enam belas berdasarkan saiz rumah. Hal ini jelas menggambarkan bahawa binaan tiang seri pada rumah Melayu tradisional di Terengganu dipengaruhi oleh status pemilik rumah dalam masyarakat, iaitu semakin banyak tiang seri digunakan maka semakin tinggi kedudukan pemiliknya (Abdul Rahman Al-Ahmadi 2016). Rajah 8 di bawah menunjukkan rekabentuk tiang seri Rumah Tele di Terengganu.

Rajah 8 Tiang seri Rumah Tele




Sumber: Kajian Lapangan pada 13 Mac 2023

Di samping itu, binaan tiang seri juga dihiasi dengan pelbagai corak pada bahagian atasnya oleh pemilik rumah membuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisional mempunyai sifat kreatif dan handal dalam membangunkan rumah kediaman (Mastor Surat 2014). Dalam pada itu, rekabentuk tiang seri dianggap sebagai tiang utama dan biasanya terletak di tengah-tengah *Rumah Ibu*, ruang tamu utama dalam rumah. Lantaran daripada itu, tiang seri dipercayai

merupakan bahagian yang paling penting dalam rumah kerana ia melambangkan kekuatan dan kestabilan struktur serta pusat spiritual rumah tangga, kerana *Bunga Halang* diletakkan di atas tiang tersebut. *Bunga Halang* diperbuat daripada tiga helai kain berwarna dan diletakkan di atas tiang seri untuk menghalau roh jahat serta melindungi penghuni rumah (Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail 2024).

Rajah 9 Lakaran rekabentuk tiang seri Rumah Tele




Sumber: Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail (2024)

Ruang Kolong

Secara asanya, keunikan rumah Melayu tradisional mempunyai rekabentuk binaan lantai yang tinggi daripada permukaan tanah iaitu secara berpangung yang menghasilkan suatu ruang bawah yang serbaguna dikenali sebagai kolong (Safwan 2022). Dalam perbincangan ini, Rumah Tele di Terengganu mempunyai binaan ruang kolong yang dijelaskan oleh (Mohd Hafis Abd Rahman 2023) sebagai ruang yang digunakan oleh kaum lelaki untuk membaiki jala pada waktu petang, tempat penyimpanan barang keperluan dan tempat menternak binatang iaitu ayam dan itik. Dalam pada itu, menurut penulisan (Othman Zaharuddin Haron 1995) ruang kolong juga digunakan oleh penghuni rumah sebagai tempat untuk melakukan aktiviti pertukangan kayu, membaiki perabot, membina perahu, menganyam atap, menumbuk padi, mencanting batik, mengukir kayu, membuat tembaga dan menenun sutera untuk dijadikan kain (Sabrizaa 2017). Rajah 10 di bawah menunjukkan ruang kolong Rumah Tele. Hal ini dapat dijelaskan lagi Rumah Tele di Terengganu mempunyai ruang kolong sebagai tempat membakar untuk menghalau nyamuk pada waktu senja atau lewat petang. Oleh itu, pemilik rumah biasanya akan mengumpul kayu api, sabut kelapa dan dedaun kering yang gugur daripada pokok di sekitar halaman rumah. Tambahan lagi, kayu api yang dikumpul berfungsi untuk memasak dan atap nipah yang telah dianyam pula disusun dengan teratur di atas para kayu atau buluh di ruang kolong ini bagi mengelakkan bahan-bahan tersebut daripada terdedah kepada kelembapan (Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail 2024). Rajah 11 bawah menunjukkan ruang kolong pada Rumah Tele.

Rajah 10 Reka bentuk kolong Rumah Tele



Sumber: (Izzati Zainal Abidin and Sumarni Ismail 2024)

Rajah 11 Ruang kolong Rumah Tele



Sumber: Kajian Lapangan pada 13 Mac 2023

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa warisan seni bina Rumah Tele di Terengganu telah melalui satu evolusi panjang yang merentas tempoh beberapa abad lamanya. Ilmu etnosains dan teknologi kearifan adalah manifestasi gabungan unsur kepercayaan dan cerminan cara hidup masyarakat Melayu silam yang masih wujud hingga ke hari ini. Oleh itu, setiap struktur asas dan ciri-ciri rekabentuk Rumah Tele dibina yang didirikan oleh sifat kreativiti tukang-tukang

rumah Melayu tradisional menggunakan sumber bahan semulajadi telah dipengaruhi oleh taraf sosioekonomi, corak budaya Melayu dan nilai agama Islam. Sesungguhnya, sesebuah binaan rumah Melayu tradisional bukan terjadi secara kebetulan atau timbul akibat dari keperluan terhadap tempat perlindungan semata-mata tetapi ia adalah hasil dari pernyataan atau manifestasi pandangan hidup masyarakat Melayu silam. Dalam hal ini, setiap rekabentuk Rumah Tele dibina secara terancang dan bersistematik mempunyai fungsi yang berbeza-beza mengikut keperluan pemilik rumah yang berkait rapat dengan budaya Melayu tempatan. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna dalam usaha untuk memulihkan warisan seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu dengan menghidupkan semula ciri-ciri estetika Rumah Tele yang semakin pudar akibat percampuran budaya Barat. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pelancong dan menjadi satu aset penting dalam memperkenalkan keindahan identiti warisan seni bina masyarakat Melayu kepada generasi yang akan datang. Dengan memahami dan menghargai warisan ini kita dapat memastikan bahawa ciri-ciri estetika Rumah Tele ini kekal hidup dan dihargai dalam masyarakat Melayu moden.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1985. *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan The. 1997. *Rumah Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 2016. *Petua Membina Rumah Melayu: dari Sudut Etnis Antropologi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Azreena Abu Bakara, Kamarul Afizi Kosmana & Nor Zalina Harun. 2022. Pemilihan Jenis Jenis Motif Ukiran Pada Rumah Warisan Selepas Kedatangan Islam ke Tanah Melayu. *Jurnal Kejuruteraan* 5: 135-141.
- Encik Azuan Harun. 2023. Pegawai Kanan Kurator Bahagian Sejarah, Terengganu. Temu bual. 20 Julai.
- Encik Mohd Hafis Abdul Rahman. 2023. Pegawai Kurator Bahagian (Etnologi), Terengganu. Temu bual. 20 Julai.
- Encik Mohd Shukri Mohd Isa, Pegawai Jabatan Warisan Negeri Terengganu, di Jabatan Warisan Negeri Terengganu, Terengganu, Temubual pada 7 Ogos 2023.
- Faizul Azlan Razak. 2023. "Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, atap singgora terus jadi pilihan". <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1153737/>. (Diakses pada 24 April 2024).
- Izzati Zainal Abidin, Sumarni Ismail & et.al. 2024. "Ciri Fizikal Seni Bina Tradisional Terengganu sebagai Tarikan Pelancong di Pantai Timur Semenanjung Malaysia: Kajian Kes Terrapuri Heritage Village di Terengganu." *Jurnal Pengajian Melayu* 35: 54.
- Ismail Yusof. 1986. *Pengenalan Senibina Tradisional Terengganu*. Terengganu: Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad & Anita Ismail. 2021. Kearifan Tempatan dalam Seni Bina Rumah Tradisional Melayu: Warisan Bernilai yang Dilupakan. E Proceedings of The International Conference on Da'wah and Islamic Management. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia. Negeri Sembilan. 26-27 Oktober.
- Mastor Surat. 2016. Peranan Budaya Bangsa dalam Pembangunan Seni Bina Malaysia: Garapan dari Teras Seni Bina Warisan Melayu, Kertas Seminar Falsafah Sains Teknologi II. Anjuran Institut Penyelidikan Anwar Ibrahim, 24-25 Disember.

- Maulana Kurniawan Putra, Junita Surbakti & Mailinar. 2020. "Fungsi Arsitektur Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Jambi di Seberang Kota Jambi." *Jurnal Nazrahat*. 26: 508-533.
- Muhammad Safwan Abdul Kadir & Mazlan Mohd Tahir. 2022. "Kajian Ruang Kolong Rumah Pangsa Kos Rendah untuk Mencapai Interaksisosial Positif: Kajian Kes Pangsapuri Seri Melewar, Shah Alam." *Journal of Design & Built* 15: 97-123.
- Mohd Nor Firdaus Minor & Zaimie Sahibil. 2024. "Rekaan dan Konsep Ruang Rumah Kedayan Tradisional." *Jurnal Gendang Alam* 14: 34-43.
- Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin. 2021. "Nilai Estetika Keindahan Motif dan Corak Seni Ukiran Kayu Rumah Limas Belanda di Terengganu". *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5: 36-51.
- Mohd Yusof Abdullah. 2012. *Warisan Seni Bina Melayu Terengganu*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mastor Surat & Ismar MS Usman. 2023. "The Uniqueness in Form and Space Layout Planning of Malay Heritage Houses Based on 19th Century Orientalists' Perspectives." *Journal Kejuruteraan* 6: 339-351.
- Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid & Mohd Kipli Abdul Rahman. 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Berasal dari Akar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noor Hayati Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal & et. al. 2024. *Kebitaraan Landskap Melayu Bandar Diraja sebagai Simbolik Landskap Warisan*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9. Anjuran Universiti Islam Selangor. Selangor. 17-18 Julai.
- Nurul Hamiruddin Salleh & Mohammad Zaim Abdullah. 2023. "Architectural Elements of Traditional Malay Buildings in Gombak District, Selangor." *Design Ideals Journal* 5: 1-5.
- Othman Zaharuddin Haron. 1995. *Ciri-Ciri Islam dalam Seni Bina Rumah Tradisional Melayu Terengganu*. *Buletin Majlis Kebudayaan Negeri Terengganu*. Terengganu: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu.
- Salem Alqamaz, Mohd Hisham Omar, Marzuki Ibrahim, Hisham Lababneh & Tawfeeq Awawdeh. 2019. "Interior Design Analysis of Terengganu Traditional Malay House." *International Journal of Scientific Research and Engineering Development* 2: 599.
- Sarinah Alim & Roshartini Omar. 2022. "Implementasi Reka Bentuk Seni Bina Rumah Tradisional Melayu dalam Seni Bina Rumah Moden di Selangor, Malaysia." *Research in Management of Technology and Business* 3: 568-586.
- Shamsu Mohamad & Siti Suhaily Surip. 2017. "Atap Singgora pada Senibina Tradisional dan Kontemporari di Pantai Timur." *Malaysian Journal of Creative Media, Design & Technology* 6: 3-5.
- Wanfiq Azman. 12 Jun 2019. <https://fokus.my/kesantunan-bendul-pintu-rumah-melayu-dan-salah-faham-terhadap-langkah-bendul/>. (Diakses pada 19 Mei 2023).
- Zulkifli Hanafi. 1996. *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kedah: Amber Solara Publication.

Published online: 1 April 2025